



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH PROJEK/PROGRAM TERBAIK
DAN ANUGERAH KAJIAN *OUTCOME* TERBAIK
NEGERI MELAKA TAHUN 2021
PADA 7 MAC 2022 (ISNIN), 9.00 PAGI
DI GRAND BALLROOM
HOTEL SWISS GARDEN, MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA, SALAM MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT
BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA**

Terima kasih pengacara majlis;

**YB Datuk Zaidi bin Johari,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;**

**YB Datuk Salhah binti Salleh,
Pegawai Kewangan Negeri Melaka;**

**Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;**

**YBrs. Puan Siti Fatimah binti Husin,
Pengarah Bahagian Penilaian Strategik, Unit Penyelarasan
Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri;**

**YBrs. Encik Azizul Adzran bin Mahmor,
Pengarah Pejabat Pemantauan dan Pelaksanaan Negeri Melaka
(MIMO);**

**Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Peringkat Negeri dan
Persekutuan;**

**Datuk-datuk, Datin-datin, Dif-dif Kehormat, rakan-rakan
media;**

**Seterusnya hadirin dan hadirat, yang tidak dapat saya
sebutkan nama satu persatu, itu tidak mengurang dan hilang
hormat saya kepada anda semua sama ada yang berada di
dewan ini mahupun yang mengikuti majlis ini secara maya;**

1. Alhamdulillah, pertamanya bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir ke majlis yang julung kali diadakan di peringkat Negeri Melaka iaitu **Majlis Anugerah Projek/Program Terbaik dan Anugerah Kajian Outcome Terbaik Negeri Melaka Tahun 2021.**
2. Pada pagi ini, saya amat gembira dapat bersemuka dengan ketua-ketua jabatan di Negeri Melaka bersama-sama

pasukannya yang merupakan Keluarga Besar pelaksana dan penggerak projek dan pembangunan di Negeri Melaka.

3. Saya difahamkan ini kali pertama majlis seumpama ini diadakan di Negeri Melaka bagi memberi pengiktirafan kepada jabatan atau agensi yang telah dapat melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan dengan cemerlang sepanjang tahun 2021.
4. Walaupun tidak semua dapat menghadiri diri ke majlis ini disebabkan oleh kekangan dan pematuhan terhadap SOP COVID-19, namun saya percaya ramai lagi anggota pasukan

besar pelaksana dan penggerak pembangunan Negeri Melaka juga sedang mengikuti acara ini secara langsung menerusi FB LIVE.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

5. Walau apa pun kaedahnya, wadah ini adalah tidak lain tidak bukan untuk saya menyampaikan harapan dan penghargaan terhadap seluruh pasukan pelaksana pembangunan Negeri Melaka yang merupakan nadi jentera penggerak negeri ini

supaya kita semua **berada pada landasan yang betul dan menuju ke satu destinasi yang sama.**

6. Seiring dengan agenda pelaksanaan **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035)** yang kini telah memasuki **tahun kedua** pelaksanaannya, saya telah menggariskan bahawa **Tahun 2022** adalah merupakan **Tahun Kecekapan Pelaksanaan**. Kecekapan pelaksanaan ini mesti merangkumi aspek-aspek pemantauan pelaksanaan projek dan program termasuklah di dalam domain pembangunan.

7. Suka juga saya memaklumkan bahawa sejak dua (2) tahun berturut-turut kebelakangan ini, kita telah berjaya mencapai prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan melebihi sasaran tahunan yang ditetapkan iaitu **85 peratus** di mana secara terperinci **tahun 2020, sebanyak 95.97 peratus** dan **tahun 2021**, meskipun di sebalik ancaman penyebaran COVID-19, kita masih mampu mencapai **92.93 peratus**. Tahniah diucapkan kepada semua ahli pasukan yang bertungkus lumus menjayakan agenda pembangunan negeri ini.

8. Di kesempatan ini, saya turut mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada YB Datuk Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan YB Datuk Salhah binti Salleh, Pegawai Kewangan Negeri kita yang baharu atas prestasi cemerlang yang ditunjukkan.

9. Kejayaan di dalam pelaksanaan agenda pembangunan Negeri sudah tentunya memberikan impak kepada pencapaian Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 dan ini terbukti apabila pada akhir Tahun 2021 menerusi Sistem Melaka Laksana, kita

telah mencatatkan kejayaan pelaksanaan sebanyak **91 peratus.**

10. Marilah kita terus bersama-sama meningkatkan lagi momentum ini. Bagi menunjukkan penghargaan dan rasa terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan, hari ini saya hadir untuk meraikan penerima anugerah sebentar lagi.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

11. Komitmen Kerajaan Negeri terhadap pembangunan Negeri Melaka amat tinggi. Ini dibuktikan dengan kelulusan bajet pembangunan negeri yang diluluskan di Dewan Undangan Negeri Melaka di mana setiap tahun, Kerajaan Negeri akan berusaha menambah jumlah peruntukan sebanyak RM5 juta setiap tahun berbanding tahun sebelumnya. Untuk rekod, pada tahun 2020, Kerajaan Negeri hanya memperuntukkan sebanyak RM60 juta bagi bajet pembangunan, ia kemudian dinaikkan kepada RM65 juta bagi tahun 2021, manakala bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM75 juta.

12. Cabaran semasa seperti peningkatan harga barangan dan perkhidmatan serta kehendak rakyat yang sentiasa mahukan pembangunan menjadi iltizam kepada Kerajaan Negeri dalam memastikan semua agenda pembangunan mestilah dilaksanakan dengan berkesan tanpa ada pembaziran sumber.

13. Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha dan mempunyai hubungan yang baik dengan Kerajaan Persekutuan demi rakyat Negeri Melaka. Dalam hal ini, sebagai contoh, hasil dari usaha sama Negeri dan Persekutuan pada tahun 2022,

Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan ataupun MOTAC telah meluluskan sebanyak **tujuh (7)** projek penyelenggaraan dan pemulihan di tapak produk pelancongan di Negeri Melaka.

14. Selain kesan ancaman COVID-19 terhadap ekonomi dan aktiviti pelancongan di Negeri Melaka, kita juga berhadapan dengan ancaman banjir khususnya banjir kilat. Bagi mengatasi masalah banjir ini, sebanyak **404 projek kecil berbentuk jangka pendek** seperti menaik taraf parit, longkang dan lain-lain yang berkaitan bernilai **RM40.37 juta**

telah dilaksanakan pada **tahun 2021 menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri, sementara kita menunggu projek jangka panjang Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** disediakan oleh Kerajaan Persekutuan.

15. Kerajaan Negeri Melaka mengharapkan dengan pelaksanaan inisiatif seperti yang kita adakan pada hari ini, ia akan menambahkan lagi keyakinan Kerajaan Persekutuan untuk terus memberikan peruntukan dana pembangunan yang lebih besar kepada Negeri Melaka.

Saudara saudari yang dihormati sekalian,

16. Saya difahamkan sebanyak **14 penyertaan** bagi Pertandingan Anugerah Projek/Program Terbaik dan **17 penyertaan** bagi Anugerah Kajian *Outcome* Terbaik dari pelbagai agensi di Melaka telah diterima oleh pihak urus setia.

17. Daripada pencalonan-pencalonan ini, terdapat banyak potensi yang telah dikenal pasti dan boleh diketengahkan.

18. Saya juga difahamkan bahawa panel penilai yang dilantik oleh urus setia anugerah juga turut merangkumi pakar-pakar pembangunan dari peringkat negeri dan juga wakil-wakil di peringkat Persekutuan. Difahamkan terdapat pegawai dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana

Menteri (JPM) serta Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) turut menjadi panel anugerah ini. Terima kasih saya ucapkan dan berharap kerjasama ini dapat diteruskan hingga ke tahun-tahun akan datang.

19. Kepada YBrs. Puan Siti Fatimah dan pasukannya, saya difahamkan telah dua (2) tahun dan ini masuk tahun ketiga bersama-sama kita menjadi pembimbing dan mentor untuk menjayakan Kajian *Outcome* Negeri Melaka. Terima kasih yang tidak terhingga kepada puan dan pasukan.

Saudara saudari yang dihormati sekalian,

20. Aspek pemantauan amat penting seperti mana hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan tahun 2022 sebagai Tahun Kecekapan Pelaksanaan. Untuk itu, Pejabat Pemantauan dan Pelaksanaan Negeri Melaka (MIMO) telah diamanahkan untuk terus melaksanakan tugas ini dan melaporkan segala perkembangan pelaksanaan di lapangan kepada pihak Kerajaan.

21. *Tools* pemantauan seperti Melaka Monitor serta Melaka PRIME dan juga Melaka Laksana yang telah dibangunkan secara *in-house* oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK), Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) perlulah dioptimumkan penggunaannya. Dalam hal ini, saya menyeru semua ketua jabatan untuk menggunakan *tools* ini bagi memudahkan pemantauan pihak atasan.
22. Di samping itu, semua YB Ahli Dewan Undangan Negeri juga turut diberikan peranan memantau semua pelaksanaan projek-projek di kawasan DUN masing-masing menerusi

pengagihan ID dan *Password* kepada Sistem Melaka Monitor. Justeru, marilah kita bersama-sama memastikan perjalanan projek dan program pembangunan di Negeri Melaka ini berjalan seperti yang dirancang.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

23. Besar harapan saya agar semua ketua jabatan dan agensi terus meningkatkan usaha bagi menaikkan mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Untuk itu, saya mahu

inisiatif peningkatan mutu perkhidmatan seperti ini terus dilaksanakan untuk tahun yang akan datang.

24. Pada tahun-tahun yang akan datang, saya juga berharap agar lebih banyak jabatan dan agensi di Negeri Melaka ini akan menghantar penyertaan mereka kepada MIMO, sekali gus meningkatkan lagi kompetensi semua pihak dalam menjalankan tugas yang akhirnya akan menguntungkan rakyat.

25. Kepada agensi-agensi yang akan diumumkan sebagai pemenang, tahniah saya ucapkan manakala yang belum menang, jangan berputus asa dan terus berusaha untuk menghasilkan lebih banyak projek-projek dan program-program yang lebih baik di masa akan datang.
26. Akhirul kalam, dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Anugerah Projek/Program Terbaik dan Anugerah Kajian *Outcome* Terbaik Negeri Melaka Tahun 2021.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.